

07/07/2000

Teguran PM tidak jejas siasatan BPR

LANGKAWI, Khamis - Kebebasan Badan Pencegah Rasuah (BPR) menjalankan tugas dan siasatan tidak pernah terjejas akibat teguran, kritikan dan nasihat mana-mana pihak termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata Ketua Pengarahnya, Datuk Ahmad Zaki Husin.

Katanya, dalam hubungan beliau dengan Dr Mahathir lebih setahun, beliau mengakui Perdana Menteri ada memberi nasihat, teguran dan kritikan, tetapi ia tidak sedikit pun mengganggu tugasnya.

"Cuma nasihat, teguran dan kritikan beliau akan dipertimbangkan dan saya membuat keputusan mengikut apa yang dikehendaki undang-undang.

"Dalam perjumpaan sebelum ini, Perdana Menteri sentiasa menegaskan faktor penyiasatan BPR adalah sensitif, sebab itu perlu berhati-hati dan bertindak secara profesional kerana ada keadaan yang mana BPR cuba digunakan sesetengah pihak yang mempunyai agenda tertentu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita di Kompleks Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) di sini, selepas mengadakan sesi dialog tertutup dengan pegawai serta kakitangan BPR di Hotel City Bayview, hari ini.

Ahmad Zaki seterusnya berkata, sebagai ketua pengarah, beliau bersikap terbuka kepada teguran, nasihat dan kritikan daripada mana-mana pihak.

Selama ini, katanya, BPR mendengar teguran dan kritikan daripada pelbagai pihak sama ada dalam ceramah politik, individu tertentu melalui media massa, Internet, Parlimen dan dalam perbicaraan kes di mahkamah.

"Jika mereka boleh menegur, menasihati dan mengkritik BPR, mengapa tidak Perdana Menteri yang menjadi ketua kerajaan untuk memberi nasihat, menegur dan mengkritik BPR yang dalam pemikiran beliau apa yang kita lakukan tidak betul.

"Malah, dalam pengalaman saya sehingga hari ini, tidak ada mana-mana ketika Perdana Menteri menyuruh saya menyiasat seseorang atau menyuruh saya tidak menyiasat seseorang atau menyuruh saya menutup mana-mana kes," katanya sambil menegaskan semua proses penyiasatan kes BPR adalah berdasarkan kepada fakta dan undang-undang.

Ahmad Zaki berkata, pegawai BPR juga sentiasa diminta supaya menjalankan siasatan secara rahsia dan profesional.

Kata beliau, semua maklumat perlu ditapis oleh pegawai risikan dan hanya selepas ia disahkan, barulah tindakan drastik diambil termasuk melakukan serbuan atau tangkapan.

(END)